

## SOROTAN LITERATUR KAJIAN MODUL PENGAJIAN MUALAF DI MALAYSIA

Azman Ab Rahman<sup>i</sup>, Nur Ain Syafiqah Rahmat<sup>ii</sup>, Muhd Faiz Abd. Shakor<sup>iii</sup>, Nurul Shazwani Nordin<sup>iv</sup>  
& Mohamad Anwar Zakaria<sup>v</sup>

<sup>i</sup> Timbalan Pengarah, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), Universiti Sains Islam Malaysia, azman@usim.edu.my

<sup>ii</sup> Pembantu Penyelidik, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, ainrahmat@gmail.com

<sup>iii</sup> Pembantu Penyelidik, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, faizshakorkisas@gmail.com

<sup>iv</sup> Pembantu Penyelidik, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, waninordin.work@gmail.com

<sup>v</sup> Pembantu Penyelidik, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, anwarzakaria8055@gmail.com

---

### ABSTRAK

Penyebaran dakwah Islamiah telah memberikan kesan positif terhadap penerimaan agama Islam di mana orang yang bukan beragama Islam bukan sahaja dapat mengenali, memahami serta mengkaji tentang agama Islam bahkan mempengaruhi mereka untuk membuat keputusan bagi memeluk agama Islam. Menurut statistik keluaran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), jumlah mualaf yang direkodkan dari tahun 2000 sehingga 2012 adalah seramai 106,747 orang dan ini membuktikan bahawa bilangan mualaf memeluk agama Islam adalah meningkat dari semasa ke semasa. Justeru, keperluan terhadap modul pengajian mualaf yang sistematik dan tersusun mengikut kehendak semasa amat penting untuk dikaji dan dibangunkan bagi meningkatkan kefahaman mereka berkaitan Islam. Oleh itu, objektif kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti kajian sorotan literatur berkenaan modul pengajian mualaf yang digunapakai oleh institusi pengajian mualaf dan Majlis Agama Islam Negeri. Kajian ini juga bertujuan untuk meneliti dan menilai kajian sorotan literatur berkenaan dengan modul pengajian mualaf di Malaysia. Kajian berbentuk kualitatif ini akan menggunakan kaedah pemerhatian dan dokumentasi. Hasil kajian mendapati bahawa sorotan literatur berkaitan modul pengajian mualaf lebih memfokuskan kepada pendidikan kepada golongan mualaf, kaedah pengajaran dan pembelajaran serta program pengisian kepada golongan mualaf berbanding dengan kandungan modul pengajian. Justeru itu, modul pengajian mualaf menjadi suatu keperluan untuk dibangunkan sesuai dengan perkembangan semasa. Kajian lanjutan perlu dilakukan untuk menyemak semula keberkesanan modul pengajian mualaf yang sedia ada dalam pelbagai aspek. Diharapkan kajian ini dapat menjadi rujukan dan panduan kepada institusi mualaf dan Majlis Agama Islam Negeri dalam meningkatkan kefahaman dan penghayatan Islam terhadap mualaf.

**Kata Kunci:** *Mualaf, Modul, Pengajian*

---

### PENDAHULUAN

Islam merupakan sebuah agama yang syumul dan ajarannya meliputi segenap aspek kehidupan. Umat Islam yang berpegang teguh dengan ajarannya juga dianjurkan untuk menyebarkan agama ini ke seluruh pelusuk dunia agar ajaran Islam dapat berkembang serta dianuti oleh setiap insan tanpa mengira agama, bangsa dan negara.

Pemelukan seseorang terhadap agama Islam dari agama sebelumnya adalah dikenali sebagai mualaf. Penggunaan istilah mualaf telah menjadi norma dalam kalangan masyarakat dan sering digunapakai bagi mendefinisikan mereka yang baru memeluk agama Islam berbanding dengan istilah lain seperti saudara baru dan saudara muslim (Noraini Mohamad, Mariam Abd. Majid, & Omar, 2017). Namun begitu, terdapat juga golongan yang baru memeluk agama Islam lebih selesa dipanggil saudara Muslim kerana merasakan panggilan tersebut lebih mesra dipanggil dan tidak menunjukkan jarak yang terlalu jauh di antara saudara seagama yang lain (Irwan Mohd

Subri et al., 2015). Walau apa jua panggilan yang digunakan, apa yang pasti adalah apabila seseorang itu telah menerima Islam dalam kehidupan, maka adalah menjadi suatu kewajipan kepadanya untuk melaksanakan segala tuntutan dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT.

Bagi menyemai kefahaman kepada golongan yang baru memeluk agama Islam ini, pendidikan merupakan salah satu medium yang berkesan dalam menerapkan kefahaman kepada golongan muallaf agar mereka boleh mendapatkan pengetahuan berkenaan agama yang baru dianuti oleh mereka. Pendidikan yang sistematik dan tersusun bukan sahaja dapat menarik golongan muallaf memahami ajaran agama Islam bahkan dapat membina keyakinan mereka terhadap kebenaran agama yang dianuti.

Pendidikan kepada golongan muallaf memerlukan kepada satu modul pengajian muallaf yang komprehensif termasuk kaedah pengajaran yang bersesuaian kerana muallaf memerlukan bimbingan asas dan berterusan. Justeru itu, kajian sorotan literatur modul pengajian muallaf diperlukan bagi meneliti kajian-kajian yang melibatkan modul muallaf termasuk kaedah p&p.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif dengan menerapkan reka bentuk analisis dokumen. Bahan kajian daripada sumber primer dan sekunder seperti rujukan-rujukan sedia ada sama ada majalah, buku, jurnal serta tesis diteliti, dinilai dan dianalisis secara deskriptif bagi melengkapkan metodologi kajian ini. Kajian ini juga akan membuat perbandingan antara pendapat yang berbeza berkaitan kajian yang telah dijalankan serta membuat kesimpulan dan cadangan terhadap maklumat dan hasil kajian yang telah dijalankan.

## **TINJAUAN LITERATUR**

Tinjauan literatur berkaitan kajian modul pengajian muallaf dan kaedah p&p amat penting dalam pembangunan sebuah modul pengajian muallaf yang komprehensif termasuk kaedah p&p yang akan digunapakai dalam meningkatkan kefahaman muallaf terhadap agama Islam.

Kajian Ahmad Yunus Kasim, Samsuddin Abdul Hamid, & Jemali (2017) menyatakan bagi memastikan seseorang muallaf itu dapat memahami Islam dengan baik, maka mereka perlu mendapatkan kefahaman asas berkaitan konsep akidah kerana isu berkaitan pemeluk agama Islam berkait rapat dengan aspek akidah. Penggunaan kaedah dan teknik pengajaran yang sesuai dapat memberikan kesan positif terhadap pemahaman mengenai pengajaran akidah oleh golongan muallaf.

Siti Fathimatul Zahra Yusri dan A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah (2015) di dalam kajiannya berpendapat bahawa kualiti pendidikan seorang muallaf boleh dipertingkatkan sekiranya bidang pengajaran terutamanya aspek kaedah pengajaran diperkembangkan. Pengaplikasian kaedah pengajaran yang efektif dan bimbingan yang sempurna dapat melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran golongan muallaf. Oleh yang demikian, adalah menjadi suatu keperluan bagi mewujudkan sebuah modul pengajian muallaf yang berstruktur serta memfokuskan kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran agar dapat menjana kefahaman golongan muallaf dengan lebih sempurna.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Siti Adibah Abu Bakar dan Siti Zubaidah Ismail (2018) menyatakan bahawa pendidikan muallaf adalah perlu bagi memenuhi keperluan spiritual

mualaf. Kursus-kursus serta bengkel yang dijalankan oleh pihak-pihak yang berkaitan seperti pihak Majlis Agama Islam Negeri dan juga NGO menjadi suatu platform yang baik supaya mualaf mendapatkan pendedahan awal terhadap perkara-perkara asas dalam Islam samada berbentuk teori mahupun praktikal. Namun demikian, kajian yang dijalankan hanyalah menyentuh berkenaan saranan terhadap penyediaan bengkel-bengkel dan kursus-kursus untuk golongan mualaf namun tidak menjurus kepada pembangunan modul pengajian mualaf.

Syarul Azman Shaharuddin et. al. (2018) di dalam kajian bertajuk Tahap Kefahaman Akidah Dalam Kalangan Mualaf di Negeri Selangor pula mendapati bahawa tahap kefahaman akidah dalam kalangan mualaf di Negeri Selangor adalah pada tahap sederhana. Kajian jelas menunjukkan bahawa terdapat kekurangan dari aspek kefahaman golongan mualaf serta memerlukan kepada penambahbaikan agar keberhasilan pembelajaran dapat dicapai. Sungguhpun kajian yang dilakukan jelas menunjukkan terdapat kelompondan pada kefahaman golongan mualaf, namun kajian tersebut tidak memfokuskan kepada pembangunan modul pengajian mualaf yang menyeluruh. Justeru, ini menunjukkan bahawa menjadi suatu keperluan kepada pembangunan sebuah modul pengajian mualaf yang berstruktur kepada golongan mualaf bagi meningkatkan kefahaman mereka terhadap agama Islam.

Seterusnya, Ain Nathasha Omar et. al. (2017) di dalam kajian Penerimaan Mualaf Terhadap Pelaksanaan Pengajaran di Institut Dakwah Islamiah Perkim (IDIP) telah mengkaji berkaitan penerimaan mualaf dari aspek kaedah pengajaran, modul pelaksanaan pengajaran dan bahan pengajaran di IDIP. Hasil kajian mendapati bahawa tahap penerimaan mualaf terhadap modul pengajaran yang sedia ada di Institut Dakwah Islamiah Perkim (IDIP) mencatatkan nilai kefahaman yang rendah. Pengkaji turut mencadangkan agar kaedah pengajaran, modul serta bahan pengajaran diberi penambahbaikan agar dapat menghasilkan golongan mualaf yg celik pengetahuan agama. Namun demikian, modul pengajaran yang diterapkan di dalam silibus pengajian di IDIP hanya tertumpu kepada pengajian berteraskan akidah dan tidak mencakupi kepada keseluruhan aspek pendidikan asas kepada mualaf.

Kajian yang dijalankan oleh Azman Ab Rahman et. al (2015) di bawah tajuk Persepsi Mualaf Terhadap Pengisian Pengislaman dan Program Pembangunan Mualaf: Kajian di Negeri Sembilan mendapati bahawa pengisian yang diberikan oleh pihak yang terlibat dalam menguruskan golongan mualaf adalah tidak mencukupi dan terdapat juga cadangan oleh responden berkenaan perlanjutan tempoh masa kursus tersebut. Pengkaji juga mencadangkan agar membuat penambahbaikan kepada modul dan jangka masa kursus. Oleh yang demikian, adalah wajar untuk membangunkan sebuah modul pengajian mualaf yang menyeluruh serta meliputi aspek kefahaman, amalan dan penghayatan golongan mualaf.

Kajian bertajuk Edu-Muallaf: Platform Atas Talian Pembelajaran Asas Fardhu Ain Bagi Saudara Baru Kita karya Fatin Aliah Phang et. al. (2019) pula cuba meninjau pendekatan dan pengajaran secara atas talian untuk golongan mualaf. Menariknya, kajian ini merangkumi pengisian berbentuk video, animasi, audio, teks, slaid, latihan dan permainan sebagai medium pengajaran dan pembelajaran kepada mualaf. Namun begitu, platform pendidikan yang dibina secara atas talian ini tidak memberi penekanan terhadap kaedah pengajaran kepada golongan dengan terperinci. Bukan itu sahaja, proses pembelajaran bagi golongan mualaf juga terhad kerana tidak mendapat bimbingan secara langsung oleh tenaga pengajar.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Nurayuni Adibah Abdullah et. al. (2019) bertajuk Persepsi Muallaf Terhadap Modul Pengajaran Kelas Fardhu Ain Mualaf (KFAM) Daerah Hulu

Langat, Selangor. Hasil kajian mendapati bahawa modul pengajaran dan pembelajaran yang digunakan dalam KFAM menunjukkan persepsi positif dalam kalangan mualaf yang mengikuti kelas ini. Pengkaji juga mencadangkan agar penambahbaikan dilakukan dari sudut pengendalian kelas, peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran serta bilangan mualaf yang mengikuti KFAM ini. Walau bagaimanapun, modul yang digunakan adalah tidak mencakupi keseluruhan aspek pengajian mualaf.

Kajian bertajuk *Kepentingan Ilmu Perbandingan Agama dalam Modul Pengurusan Mualaf di Negeri Sembilan: Analisis Perspektif Da'i dan Mad'u* karya Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali et. al. (2015) menggunakan kaedah kuantitatif untuk mengkaji kepentingan pengetahuan perbandingan agama dalam proses pembangunan diri mualaf. Sungguhpun disiplin ilmu perbandingan agama sering dikaitkan dengan perdebatan akidah dan kepercayaan, kajian ini membuat tinjauan lebih mendalam dengan merangkumkan aspek penghayatan Islam, akhlak, ibadah dan sebagainya. Kajian yang melibatkan responden tenaga pengajar dan komuniti mualaf ini menunjukkan bahawa kesemua mereka bersetuju bahawa ilmu perbandingan agama amat penting khususnya bagi mereka yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti berkaitan mualaf. Walau bagaimanapun, pembangunan modul pengajaran tidak menjadi fokus kajian ini.

Fuadah Johari et. al. (2013) dalam kajian bertajuk *Muallaf Development Through Zakat Distribution and Programmes in Selangor, Malaysia: An Overview* telah mengkaji berkenaan program atau aktiviti yang telah disediakan oleh Majlis Agama Islam Selangor untuk asnaf mualaf. Hasil kajian mendapati asnaf mualaf telah menerima agihan dana zakat tahunan yang besar selepas asnaf fuqara, masakin dan fi sabilillah bagi pembangunan dan pengurusan asnaf mualaf. 31 program telah disusun atur dan dilaksanakan bagi memastikan para mualaf dapat mendalami ilmu agama Islam dengan lebih menyeluruh dan akhirnya dapat mempersiapkan mereka sebagai mukalaf yang berkualiti selepas 5 tahun. Walaupun terdapat banyak program yang telah disediakan, namun seharusnya modul yang menekankan aspek pengajaran dan pembelajaran menjadi panduan utama di pusat perlindungan mualaf di Negeri Selangor agar mencapai matlamat utama penubuhan pusat tersebut.

Zainal Abidin Mohamed et. al. (2014) dalam kajian bertajuk *The Success of Zakat Distribution and Aids for Sustaining Muallaf Belief and Thought: A Case Study* telah menganalisis cabaran serta kesan pengagihan zakat kepada asnaf mualaf dalam mempertahankan tauhid dan iman mereka. Hasil kajian menunjukkan beberapa kesan yang positif kepada ekonomi mualaf, namun Majlis Agama Islam Negeri harus terus menyokong dan memperbaiki dari semasa ke semasa program yang lebih komprehensif khususnya berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran agama Islam agar dapat meningkatkan kepercayaan tauhid dan iman mereka. Oleh itu, perlunya modul pengajian mualaf dijadikan sebagai panduan utama di pusat perlindungan mualaf di setiap negeri agar dapat meningkatkan kepercayaan tauhid dan iman golongan mualaf.

Masni Mustafa et. al. (2017) dalam kajiannya bertajuk *Management of Dakwah Towards Muallaf: A Case Study at Kompleks al-Saadah, Seremban* telah meninjau pengurusan pihak berautoriti dalam menjaga kebajikan serta pendidikan para mualaf di Kompleks al-Saadah di Seremban. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa permasalahan yang dihadapi oleh mualaf misalnya kekurangan ilmu Islam, tekanan emosi serta keadaan sekeliling yang tidak membantu. Kajian ini jelas menunjukkan bahawa kurangnya penekanan terhadap modul pengajaran dan pembelajaran mualaf di Kompleks al-Saadah. Oleh itu, perlunya suatu modul pengajian mualaf yang berkesan bagi meningkatkan pengetahuan agama Islam dalam kalangan mualaf.

Kajian oleh Nur Muizz Mohd Salleh et. al. (2017) bertajuk Kajian Rintis Penerimaan Mualaf di Selangor Terhadap Aplikasi 'Smartsolat' memfokuskan tentang pendidikan kepada golongan mualaf dalam bentuk aplikasi mudah alih dalam aspek ibadah. Menariknya kajian ini adalah kerana aplikasi yang dibangunkan tersebut meliputi kaedah mengambil wudhuk dengan sempurna dan kaedah mengerjakan solat-solat fardhu melalui kaedah interaktif dan simulasi masa nyata. Namun begitu, kajian ini tidak memfokuskan kepada keseluruhan aspek-aspek pengajian yang perlu difahami oleh golongan mualaf.

Kajian Md Noor Hussin, Kamal Azmi Abd Rahman, & Wazir (2019) menyatakan bahawa pendidikan kepada golongan mualaf tidak terhad kepada pengajian akidah, fikah dan akhlak sahaja, namun ianya juga perlu meliputi kepada pengajian Bahasa Arab agar dapat membantu golongan mualaf menghayati ajaran Islam khususnya kepada ibadah yang dilakukan. Menerusi kajian yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa telah terdapat pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab secara sistematik dan bermodul kepada golongan mualaf. Walau bagaimanapun, fokus dan tajuk-tajuk pembelajaran perlu diberi penekanan dan bersesuaian dengan tahap mereka.

Sikap pembelajaran mualaf turut memainkan peranan penting dalam memastikan proses pengajaran dan pembelajaran mualaf berjalan dengan baik. Menurut kajian yang dilakukan oleh Syarul Azman Shahrudin dan Razaleigh Muhamat @ Kawangit (2014) bertajuk Sikap Pembelajaran terhadap Pencapaian Kursus Fardhu Ain dalam Kalangan Mualaf Cina di Jabatan Agama Islam Daerah Kajang, dapatan kajian menunjukkan bahawa sikap pembelajaran dalam kalangan responden adalah amat tinggi dan sebagai golongan yang baru memeluk agama Islam, mereka cenderung untuk mendapatkan apa jua maklumat serta ilmu berkaitan Islam terutama melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Justeru, keperluan bagi mewujudkan sebuah modul pengajian mualaf yang bersifat menyeluruh adalah wajar untuk dibangunkan agar dapat merencanakan lagi proses pembelajaran mereka.

## ANALISIS TINJAUAN LITERATUR

Tinjauan literatur mendapati bahawa meskipun telah terdapat banyak perbincangan berkaitan dengan pendidikan mualaf, kaedah pengajaran dan pembelajaran mualaf serta program pengisian kepada golongan mualaf, namun kajian khusus terhadap modul pengajian mualaf secara mendalam sukar untuk didapati. Justeru, kajian ini amat penting dalam usaha pembangunan sebuah modul pengajian mualaf yang komprehensif untuk dijadikan sebagai rujukan oleh pihak-pihak yang terlibat dengan pengurusan mualaf. Jadual (1) di bawah menunjukkan analisa terhadap sorotan kajian terdahulu berkaitan pendidikan, kaedah pengajaran dan pembelajaran mualaf, program pengisian serta cadangan terhadap pembangunan modul pengajian mualaf sebagaimana dinyatakan berikut:

Jadual 1: Sorotan Literatur Kajian Modul Pengajian Mualaf di Malaysia

Bil.	Penulis	Perbincangan/ Hasil Kajian
1.	Ahmad Yunus Kasim et. al. 2017	Penggunaan kaedah dan teknik pengajaran akidah kepada golongan mualaf.
2.	Siti Fathimatul Zahrah binti Yusri & A'thiroh Masyaa'il Tan	Kualiti pendidikan mualaf boleh dipertingkatkan sekiranya bidang pengajaran diperkembangkan.

---

2015

---

3.	Siti Adibah Abu Bakar & Siti Zubaidah Ismail 2018	Saranan penyediaan bengkel-bengkel dan kursus-kursus untuk mualaf.
4.	Syarul Azman Shahrudin et. al. 2018	Mengkaji kefahaman golongan mualaf terhadap pengajian akidah.
5.	Ain Nathasha Omar et. al 2017	Penerimaan mualaf dari aspek kaedah pengajaran, modul pelaksanaan pengajaran dan bahan pengajaran di Institut Dakwah Islamiah Perkim (IDIP).
6.	Azman Ab Rahman et. al. 2015	Mengkaji persepsi mualaf terhadap pengisian pengislaman dan program pembangunan mualaf di Negeri Sembilan.
7.	Fatin Aliah Phang et. al. 2019	Pengajaran dan pembelajaran fardhu ain kepada golongan mualaf dengan menggunakan platform atas talian.
8.	Nurayuni Adibah Abdullah et. al. 2019	Persepsi mualaf terhadap modul pengajaran dan pembelajaran yang digunakan di dalam Kelas Fardhu Ain Mualaf (KFAM).
9.	Wan Mohd Fazrul Azdi et. al. 2015	Mengkaji tentang kepentingan pengetahuan perbandingan agama dalam proses pembangunan diri mualaf.
10.	Md Noor Bin Hussin et. al. 2019	Pengajaran dan pembelajaran dalam Bahasa Arab oleh golongan mualaf.
11.	Fuadah et. al. 2013	Kesan pengagihan dana zakat dan pelaksanaan program terhadap pembangunan mualaf.
12.	Zainal Abidin Mohamed et. al. 2014	Menganalisis cabaran serta kesan pengagihan zakat kepada mualaf dalam mempertahankan tauhid dan iman mereka.
13.	Masnih Mustafa et. al. 2017	Pengurusan pihak berautoriti dalam menjaga kebajikan serta pendidikan mualaf di Kompleks al-Saadah di Seremban.
14.	Nur Muizz Mohd Salleh et. al. 2017	Kaedah mengambil wudhuk dan mengerjakan solat-solat fardhu kepada golongan mualaf menerusi aplikasi 'SmartSolat'.
15.	Syarul Azman Shahrudin & Razaleigh Muhamat, 2014	Sikap pembelajaran golongan mualaf terhadap pencapaian kursus fardhu ain.

---

Sumber: Pengkaji 2019

## PENUTUP

Kesimpulannya, terdapat kajian-kajian lepas yang menyentuh berkaitan mualaf namun kajian yang telah dilakukan hanya menyentuh dari sisi yang berlainan seperti dalam aspek pendidikan kepada golongan mualaf, kaedah pengajaran dan pembelajaran serta cadangan penambahbaikan tanpa memfokuskan kepada pembangunan sebuah modul pengajian mualaf. Justeru itu, keadaan ini membawa kepada keperluan bagi mewujudkan sebuah modul pengajian mualaf yang seiring dengan perkembangan semasa. Kewujudan modul pengajian mualaf yang komprehensif juga

secara tidak langsung memberikan panduan kepada pihak pengurusan berkaitan mualaf dalam mendidik golongan mualaf dengan kaedah yang lebih baik.

Keperluan pembangunan modul pengajian mualaf merupakan suatu bentuk usaha yang sewajarnya diberikan perhatian bagi memperkasakan golongan mualaf. Pendidikan yang berkualiti bukan sahaja dapat memberikan kefahaman yang jitu kepada golongan mualaf malah dengan adanya kaedah pengajaran yang berstruktur pula menjadi nilai tambah dan memudahkan proses pembelajaran golongan mualaf yang sentiasa berusaha dalam mendapatkan maklumat serta panduan yang jelas bagi memahami Islam.

## RUJUKAN

- Ahmad Yunus Kasim, Samsuddin Abdul Hamid, & Jemali, M. (2017). Pengajaran Akidah Dalam Kalangan Mualaf di Institut Dakwah Islamiyah PERKIM. *Jurnal Perspektif* (Special Issue 1), 96-98.
- Ain Nathasha Omar, Mariam Abd. Majid, & Noraini Mohamad. (2017). *Penerimaan Mualaf Terhadap Pelaksanaan Pengajaran Di Institut Dakwah Islamiah Perkim (IDIP)*. Paper presented at the Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3 (IRSYAD2017).
- Azman Ab Rahman, Irwan Mohd Subri, Mahazan Abdul Mutalib, Wan Mohd Fazrul Wan Razali, Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali, Rose Irnawaty Ibrahim, & Ismail, N. (2015). Persepsi Mualaf Terhadap Pengisian Pengislaman dan Program Pembangunan Mualaf: Kajian di Negeri Sembilan. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 6, 135-148.
- Fatin Aliah Phang, Nurbina A. Shukor, Jaysuman Puspanathan, Noor Dayana Abd Halim, Zulkifli Khair, Sarina Sulaiman, Bachok, M. F. B. (2019). *Edu-Muallaf: Platform Atas Talian Pembelajaran Asas Fardhu Ain Bagi Saudara Kita di Johor*. Paper presented at the International Conference on Muallaf 2019 (ICoM 2019), Grand Bluewave Hotel Shah Alam.
- Fuadah Johari, Muhammad Ridhwan Ab Aziz, Mohd Faisol Ibrahim, & Ali, A. F. M. (2013). *Muallaf Development Through Zakat Distribution and Programmes In Selangor, Malaysia: An Overview*. Paper presented at the The 5<sup>th</sup> Islamic Economics System Conference (iECONS), Berjaya Times Square Hotel, Kuala Lumpur.
- Irwan Mohd Subri, Azman Ab Rahman, Mahazan Abdul Mutalib, Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali, Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, Rose Irnawaty Ibrahim, Ismail, N. (2015). Penerimaan Penggunaan Istilah Mualaf dalam Kalangan Mualaf di Malaysia. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 6, 111-134.
- Ismail, C. Z. (2007). *Pengantar Asas-Asas Islam*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), (2010). *Garis Panduan Pengurusan Saudara Baru (Muallaf)*. Kuala Lumpur: iTilmiz Network Sdn. Bhd. .
- Masni Mustafa, Nur Aimie Syarmimi Jaafar, & Ali, K. (2017). *Management of Dakwah Towards Muallaf: A Case Study at Kompleks al-Saadah, Seremban*. Paper presented at the International Conference on Social Sciences and Humanities (ICOSAH), Open University of Malaysia.
- Md Noor Hussin, Kamal Azmi Abd Rahman, & Wazir, R. (2019). *Kajian Deskriptif Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab Dalam Kalangan Mualaf*. Paper presented at the International Conference on Muallaf 2019 (ICoM 2019) Grand Bluewave Hotel, Shah Alam.
- Mohd Asri Abdullah, Kamariah Yusoff, Che Kamarudin Md Daud, Zawawi Temyati, Ahmad Jailani Sidek, Mohd Shukran Abd Razak, Alias, B. (2006). *Prinsip-Prinsip Asas Islam: Islam dan Akidah*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).

- Noraini Mohamad, Mariam Abd. Majid, & Omar, A. N. (2017). Metodologi Pengajaran Mualaf Di Institusi Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP). *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 4(2), 215-233.
- Nurayuni Adibah Abdullah, Mariam Abd. Majid, Noraini Mohamad, & Hamdani, S. M. (2019). *Persepsi Muallaf Terhadap Modul Pengajaran Kelas Fardhu Ain Mualaf (KFAM) Daerah Hulu Langat, Selangor*. Paper presented at the International Conference on Muallaf 2019 (ICoM 2019) Grand Bluewave Hotel, Shah Alam.
- Nur Muizz Mohd Salleh, Che Wan Shamsul Bahri C. W. Ahmad, Khairulnizam Abd Rahman, & Rahman, H. A. (2017). Kajian Rintis Penerimaan Mualaf di Selangor Terhadap Aplikasi 'Smartsolat'. *Malaysia Journal of Information and Communication Technology*, 2(2), 67-74.
- Siti Adibah Abu Bakar, & Ismail, S. Z. (2018). Pengurusan Mualaf di Malaysia: Kerjasama Dinamik Antara Agensi Kerajaan dan Bukan Kerajaan. *Jurnal Usuluddin*, 46(2), 97-122.
- Siti Fathimatul Zahrah Yusri, & Abdullah, A. t. M. i. T. (2015). *Pengajaran Pendidikan Islam Terhadap Mualaf: Satu Tinjauan Literatur*. Paper presented at the Prosiding Seminar Pengurusan Islam: Ke Arah Pemantapan Ummah, Bangi, Selangor.
- Syarul Azman Shahrudin, & Muhamat, R. (2014). Sikap Pembelajaran terhadap Pencapaian Kursus Fardhu Ain dalam Kalangan Mualaf Cina di Jabatan Agama Islam Daerah Kajang. *Islamiyyat*, 36(2), 97-102.
- Syarul Azman Shahrudin, Hanis Najwa Shahrudin, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, & Misra, M. K. A. (2018). Tahap Kefahaman Akidah dalam Kalangan Mualaf di Negeri Selangor. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, volume 5, 82-91.
- Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, Azman Ab Rahman, Irwan Mohd Subri, Mahazan Abdul Mutalib, Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali, Rose Irnawaty Ibrahim, & Ismail, N. (2015). Kepentingan Ilmu Perbandingan Agama dalam Modul Pengurusan Mualaf di Negeri Sembilan: Analisis Perspektif Da'i dan Mad'u. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 6, 65-85.
- Zainal Abidin Mohamed, Kalsom Abd Wahab, Khadijah Hambali, Fuadah Johari, Muhammad Ridhwan Ab Aziz, Mohd Faisol Ibrahim, . . . Mohd, A. F. (2014). *The Success of Zakat Distribution and Aids For Sustaining Muallaf Belief and Thought: A Case Study*. Paper presented at the Muktamar Waqf Iqlimi Universiti Sains Islam Malaysia.